

# PERUBATAN MELAYU TRADISIONAL: KITAB TIBB PONTIANAK (Malay Traditional Medicine: Kitab Tibb Pontianak)

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid\*  
Nurul Wahidah Binti Fauzi\*\*

## Abstrak

*Keperluan kajian manuskrip Melayu bertitik tolak dari usaha untuk memahami kebijaksanaan, sejarah, budaya, pengalaman hidup dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Kebanyakan manuskrip Melayu ditulis dalam bentuk bunga rampai pengetahuan. Dalam teks yang kaya dengan isi itu boleh didapati panduan, nasihat, hiburan, pendidikan, sejarah, politik, hubungan antarabangsa, perubatan, sains, teknologi dan banyak lagi maklumat dan ilmu. Ini termasuklah pengamalan perubatan Melayu tradisional. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji mengenai perubatan Melayu tradisional berasaskan kitab Tibb Pontianak.*

**Kata kunci:** Perubatan Melayu tradisional, manuskrip, Tibb Pontianak.

## Abstract

*The importance of the study of Malay manuscripts predicate of an effort to understand the wisdom, history, culture, life, experience and world view of the Malay community. Many Malay manuscripts written in the form of extended knowledge. In the manuscripts text, it is full of guidance, advice, entertainment, education, history, politics, international relations, medicine, science, technology and much more information and knowledge. These include traditional Malay medicine practice. Therefore, this study will examine the traditional Malay medicine practice in the book of Tibb Pontianak.*

**Keywords:** Malay traditional medicine, manuscripts, Tibb Pontianak.

## Pendahuluan

Manuskrip Melayu adalah sumber maklumat penting yang berkaitan tentang hal ehwal orang Melayu pada masa lampau.<sup>1</sup> Oleh kerana manuskrip Melayu merupakan warisan orang Melayu yang menggambarkan kebijaksanaan mereka, maka usaha untuk memahami latar perkembangan bangsa Melayu haruslah bertolak dari kajian manuskrip. Jika tiada usaha yang bersungguh-sungguh diambil untuk mengkaji, memelihara dan mengekalkannya, orang Melayu akan

---

\* Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, PhD, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: faisal@um.edu.my.

\*\* Nurul Wahidah Binti Fauzi, BUs, merupakan calon Skim Latihan Akademik IPTA, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: comely\_84@yahoo.com.

<sup>1</sup> Ding Choo Ming (2008), *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 8.

kehilangan suatu tamadun ilmu yang boleh dibanggakan.<sup>2</sup> Usaha memartabatkan manuskrip Melayu telah dilakukan secara berterusan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia, begitu juga institusi pengajian tinggi seperti Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dengan mengadakan seminar naskhah Melayu hampir setiap bulan. Pada tahun 2007 sahaja sembilan kertas kajian dibentangkan mengenai manuskrip Melayu, antaranya “Ilmu Tabib Melayu” oleh Prof. Dr. Hashim Awang dan “Kitab Ilmu Nujum Melayu” oleh Prof. Dr. Harun Daud.<sup>3</sup>

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah merubah cara hidup, bahasa, corak pemikiran sehingga membawa kepada suatu perubahan yang mendalam tentang hidup dan kehidupan. Pengaruh Islam itu begitu terserlah sekali dalam semua aspek kehidupan termasuklah ilmu pengetahuan yang diabadikan dalam penulisan manuskrip Melayu. Isi penulisannya lebih bercorak keagamaan menerangkan keindahan agama Islam seperti kepercayaan kepada Allah, menanamkan rasa cinta kepada rasulnya, cara-cara beribadat dan hal-hal lain yang bersangkutan dengan agama.<sup>4</sup> Pengaruh Islam juga begitu terserlah dalam aspek ilmu perubatan tradisional Melayu. Antara contoh yang ketara tentang pengaruh Islam ialah mengenai cara perubatannya lebih menekankan unsur-unsur Islam dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran, selawat kepada Baginda s.a.w. sebagai salah satu medium perubatan, dan tidak kurang juga istilah serta bahan yang digunakan untuk berubat banyak menggunakan sebutan bahasa Arab dan disamping itu semua manuskrip perubatan Melayu tradisi ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi.

Makalah ini membincangkan mengenai perubatan Melayu tradisional dan pengaruh Islam dalam pengamalan dan penggunaan herba sebagai usaha mengubati penyakit. Pengalaman perubatan Melayu dan pengaruh Islam itu dilihat dalam sebuah karya perubatan Melayu yang dikarang oleh seorang ulama Melayu bernama Haji Ismail bin Haji Mustafa Pontianak. Beliau dilahirkan di Kampung Tembelan Pontianak, Kalimantan, Indonesia. Kitab karangan beliau ini diberi nama “Kitab al-Tibb” yang bermaksud “Buku Panduan Perubatan” kemudiannya ianya terkenal dengan nama “Kitab Tibb Pontianak” kerana menisbalkannya kepada tempat lahir pengarang.

## **Kajian Lepas**

Kajian yang membincangkan mengenai isu perubatan tradisional sama ada diperingkat tempatan dan antarabangsa telah banyak diterokai oleh para sejarawan. Meskipun begitu, literatur yang memperincikan mengenai perubatan tradisional yang diaplikasikan melalui manuskrip-manuskrip nukilan para ulama di Tanah Melayu masih belum banyak dirintis. Penulisan para sejarawan terdahulu yang membincangkan aspek perubatan tradisional ini didapati melalui

---

<sup>2</sup> Ismail Hussein (1984), *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 33.

<sup>3</sup> Dr. Tengku Intan Marina Mohd Ali (2007), “Seminar Naskhah Melayu Memartabatkan Khazanah Melayu”, (Laporan Seminar 2007), <http://klikweb.dbp.my/> pada 19hb. Ogos 2011.

<sup>4</sup> Mohd. Taib Osman (1982), *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 182

beberapa sumber antaranya melalui kajian H.C Ong<sup>5</sup> yang memberi maklumat tentang herba-herba tradisional yang terdapat di Gemencheh, Negeri Sembilan. Melalui penulisannya, beliau mengklasifikasikan sebanyak 54 jenis herba yang digunakan oleh penduduk setempat untuk menyembuhkan penyakit-penyakit ringan. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak memberi tumpuan khusus terhadap perbincangan herba-herba yang dipraktikkan oleh para ulama terdahulu melalui manuskrip-manuskrip perubatan yang dihasilkan. Penemuan mengenai fakta yang menyebut mengenai kepentingan dan keperluan terhadap perubatan tradisional disebut secara mendalam di dalam kajian Ibrahim Jantan<sup>6</sup> di dalam artikel *The Scientific Values of Malaysian Herbal Products*. Melalui penulisannya, beliau mengulas secara mendalam mengenai nilai sebenar produk herba Malaysia dalam aspek kualiti, keselamatan dan efikasi sebagai agen penyembuh penyakit. Beliau memperjelaskan mengenai pertumbuhan pasaran produk herba yang semakin menggalakkan di negara ini sehingga ia juga menjadi alternatif campuran di dalam menggabungkan terapi herba ke dalam amalan perubatan moden oleh ramai ahli profesional kesihatan.<sup>7</sup> Meskipun kajian ini memberi maklumat mengenai kepentingan perubatan tradisional di dalam industri perubatan masa kini, tetapi ia tidak menyentuh mengenai kepentingan perubatan tradisional yang terdapat di dalam manuskrip-manuskrip lama karangan para ulama terdahulu.

Kajian Marlise Ritcher<sup>8</sup> dalam karyanya *Traditional Medicine and Traditional Healers in South Africa* pula membuah hasil penulisan yang terperinci mengenai peranan penting pengamal perubatan tradisional di Afrika Selatan dalam membangunkan sistem kesihatan masyarakat setempat terhadap isu perubatan HIV / AIDS. Melalui kajian ini, beliau membincangkan bahawa penyembuhan HIV/AIDS melalui perubatan tradisional merupakan salah satu alternatif yang penting, sehingga pihak kerajaan di Afrika Selatan menjadikan pengamal perubatan tradisional di negara terbabit sebagai agen utama di dalam menyembuhkan penyakit terbabit.<sup>9</sup> Meskipun makalah ini meletakkan amalan penyembuhan penyakit HIV/AIDS di bawah tadbir pengamal perubatan Tradisional di Afrika Selatan sebagai agen terpenting, tetapi makalah ini tidak memperbincangkan amalan perubatan yang dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional negara lain khususnya di Tanah Melayu secara langsung di dalam alternatif perubatan tradisionalnya.

## **Perubatan Melayu Tradisional**

Menyentuh mengenai definisi perubatan Islam, ahli perubatan Islam memberi penjelasan mengenai pengertian perubatan dengan maksud "*ilmu perubatan adalah suatu ilmu yang membicarakan mengenai tubuh manusia, samada dari*

---

<sup>5</sup> H.C Ong (et.al) (1994), "Malay Herbal Medicine In Gemencheh, Negri Sembilan, Malaysia", *Fitoterapia*, vol 1, issue 1, Feb 1994, h. 10-14.

<sup>6</sup> Ibrahim Jantan (2006), "The Scientific Values of Malaysian Herbal Products", *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, vol. 4, Jil. 1, 2006, h. 59-70.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 63-65.

<sup>8</sup> Marlise Ritcher (2003), "Traditional Medicines and Traditional Healers in South Africa". [www.tac.org.za/Documents/.../Traditional\\_Medicine\\_briefing.pdf](http://www.tac.org.za/Documents/.../Traditional_Medicine_briefing.pdf) pada 12 September 2011.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h.13-16.

segi kebaikan, keburukan, mengawal kesihatan dan menghilangkan kesakitan.<sup>10</sup> Perubatan atau 'medication' pula membawa maksud 'the act or process of medication on treating with medicinal substance'. Selain daripada pandangan itu, berbeza pula pandangan tokoh perubatan Islam yang antaranya Dr. Ali Mu'nis di dalam bukunya "Pengobatan Cara Nabi" mengatakan ia adalah mengenai perubatan Rasulullah s.a.w. di mana Rasulullah pernah menyentuh mengenai salah satu bab perubatan yang bersabda: "sebaik-baik ubat ialah al-Quran". Ia adalah suatu perubatan untuk menyembuhkan segala penyakit yang dihidapi oleh manusia, yang mana merangkumi segala penyakit badani dan rohani.<sup>11</sup>

Pandangan mengenai ilmu perubatan ini juga dapat dilihat pada pendapat Ibn Qayyim al-Jawzyyah yang bertajuk *al-Tibb al-Nabawi* di mana beliau menyebutkan bahawa di dalam al-Quran terdapat ayat yang menyatakan al-Quran adalah sebagai *syifa* atau "ubat yang menyembuhkan".<sup>12</sup> Beliau juga menegaskan bahawa perubatan menggunakan ayat al-Quran untuk mengubati sesuatu penyakit tidak dapat ditandingi oleh ubat yang lain. Penegasan beliau adalah dengan berkata:

*"Bagaimanakah berbagai-bagai ubat itu dapat menandingi kalimah Allah, Tuhan seluruh bumi dan langit. Kalimah Allah yang mana jika diturunkan di atas gunung maka akan dapat menghancurkannya dan jika diturunkan ke bumi nescaya akan dapat membelahnya. Tidak ada satu penyakit pun daripada berbagai-bagai penyakit rohaniah dan jasmaniah kecuali terdapat panduan dan petunjuk untuk pengubatan, sebab musabab dan penjagaannya di dalam al-Quran.. Begitulah halnya bagi sesiapa yang memperoleh kefahaman dan petunjuk oleh Allah dan kitab-Nya."*<sup>13</sup>

Dari pendapat-pendapat di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa konsep perubatan menurut Islam adalah berlandaskan kepada ayat-ayat al-Quran yang merupakan ubat penyembuh yang lengkap untuk semua penyakit samada penyakit rohaniah atau jasmaniah, penyakit dunia dan akhirat dan penggunaan ayat-ayat al-Quran untuk mengubati sesuatu penyakit tidaklah dapat ditandingi oleh sesuatu yang lain.

Penggunaan herba di kalangan masyarakat Melayu merangkumi pelbagai guna bermula dari ramuan dalam masakan hinggalah kepada pengubatan harian yang tidak dapat dipisahkan dari resam kehidupan orang Melayu. Sejak dari kecil anak-anak Melayu terutama anak-anak perempuan telah diajar bagaimana menggunakan rempah ratus. Perubatan Melayu Tradisional ini ditakrifkan melalui dua takrif, yang mana 'perubatan' berasal daripada perkataan ubat yang membawa

---

<sup>10</sup> Ahmad Bin Mustafá (t.t), *Miftah al-Sa'adah Wa Misbah as-Siyadah*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, h. 326

<sup>11</sup> Ibn Kathir (1970), *Tafsir Ibn Kathir*, Juz 4 cet 2, Beirut: Dar al-Fikr, h. 206

<sup>12</sup> Ibn Qayyim (1982), *al-Tibb al-Nabawi*, Beirut: Mua'ssash al-Risalah.

<sup>13</sup> *Ibid*

maksud sesuatu benda yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit atau menyihatkan badan, sama ada dengan cara dimakan atau disapu. Manakala 'tradisional' pula bermaksud bercorak tradisi, atau dengan kata lain mesyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun-temurun.<sup>14</sup> Maka perubatan Melayu Tradisional boleh diertikan sebagai himpunan amalan yang dicipta untuk tujuan menghadapi masalah yang dihadapi oleh mereka sama ada semasa sihat mahupun semasa uzur. Himpunan pengetahuan itu digunakan bukan sahaja untuk mengekalkan kesihatan tetapi juga memulih dan mengembalikan apa yang telah hilang. Satu hakikat yang mendasari ataupun menunjangi secara keseluruhan perubatan Melayu di kalangan masyarakat Melayu ialah bahawa setiap keuzuran itu mesti ada puncanya atau sebab musababnya dan setiap keuzuran itu juga pasti ada ubatnya.

Seluruh pelusuk gugusan kepulauan Melayu amat kaya dengan tumbuh-tumbuhan buminya. Pelbagai tumbuh-tumbuhan telah digunakan dalam amalan perubatan tradisional sama ada di kalangan masyarakat Melayu, Cina, India atau Orang Asli. Antara amalan yang dilakukan masyarakat Cina adalah termasuk rawatan seperti ubat herba, akupunktur, terapi diet, dan urut Tui na dan Shiatsu. Qigong dan Taijiquan, manakala masyarakat India pula menjadikan perubatan ayurveda sebagai amalan perubatan di dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat orang asli pula, mereka amat mempercayai mimpi di dalam membantu sistem perubatan tradisional. Melalui mimpi pengamal-pengamal perubatan tradisional (bomoh atau pawang) yang dikenali sebagai "hala" mendapat ilham tentang jampi, nyanyian, cara mengubat penyakit yang berkaitan dengan mahluk halus yang dikenali sebagai superhuman dan sebagainya.<sup>15</sup> Pada dasarnya tumbuh-tumbuhan dan beberapa keluaran alam semulajadi yang lain turut menjadi sumber utama dalam sistem perubatan tradisional ini. Keinginan generasi terdahulu untuk mengetahui dan mendalami manfaat dan khasiat dari tumbuh-tumbuhan semakin bertambah bersesuaian dengan peredaran masa. Ada juga di antaranya ditemui dengan cara tidak sengaja sepanjang pengalaman menjalani kehidupan dengan berinteraksi dengan alam semulajadi seperti pengalaman mereka dalam mencari rezeki di hutan yang kadangkala mereka menyaksikan sendiri interaksi antara langsung antara haiwan dan alam. Pengalaman mengajar mereka apakah jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh dan tidak boleh dimakan. Perhubungan antara rupa-bentuk, warna atau bau sesuatu tumbuhan itu sering dikaitkan dengan jenis penyakit yang ingin diubati. Ia merupakan salah-satu cara yang penting dalam menentukan tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan untuk tujuan perubatan.

Kegunaan herba memang telah lama menjadi amalan dalam setiap bangsa yang terdiri daripada berbagai kelompok kaum dan juga mewarisi amalan perubatan yang tersendiri. Ia menerima berbagai pengaruh terutamanya pengaruh Hindu-Budhha, Islam dan Barat, dan berkembang hidup dalam kepercayaan masyarakat

---

<sup>14</sup> Moh Mei Ing (1997), "Perubatan Tradisional Tempatan", dalam *Journal of Secret Heart Secondary School*, [http://pkukmweb.ukm.my/~ahmad/tugasan/s3\\_99/moh.htm](http://pkukmweb.ukm.my/~ahmad/tugasan/s3_99/moh.htm), pada 12 September 2011.

<sup>15</sup> Siti Noruwa Abd Aziz (t.t), "Perubatan Tradisional", [http://pkukmweb.ukm.my/~ahmad/tugasan/s2\\_99/a58719.htm](http://pkukmweb.ukm.my/~ahmad/tugasan/s2_99/a58719.htm), pada 12 September 2011.

Melayu terutamanya. Disamping penggunaan herba, seringkali pengamal perubatan tradisional mengaitkan kaedah perubatan mereka dengan pelbagai jenis amalan perubatan lain termasuk penggunaan jampi mentera, kekuatan rohaniah, pergantungan kepada makhluk halus dan sebagainya. Ketika mengamalkan cara perubatan yang sedemikian, bahan-bahan herba seperti sirih-pinang, kemenyan, kayu gaharu dan sebagainya sering menjadi bahan utama perubatan.<sup>16</sup> Malah dengan kedatangan Islam ke Nusantara telah memperkayakan lagi warisan perubatan tradisional Melayu. Contohnya ayat-ayat suci al-Quran telah digunakan sebagai doa untuk mengubati sesuatu jenis penyakit.<sup>17</sup>

### **Pengaruh Islam Dalam Perubatan Melayu Tradisional**

Pengaruh perubatan tradisional Melayu di negara ini banyak diserapi unsur perubatan asing.<sup>18</sup> Ia berlaku hasil dari asimilasi dengan pedagang-pedagang asing yang datang ke Tanah Melayu sejak tertubuhnya kerajaan Melayu Melaka pada kurun ke-14. Pendatang-pendatang daripada China dan India juga membawa bersama mereka berbagai-bagai tumbuhan ubatan yang boleh hidup dengan baik di negara ini.<sup>19</sup> Pengaruh Islam yang berasimilasi di dalam perubatan tradisional dapat dilihat dalam beberapa aspek.

Di antaranya dapatlah penulis bahagikan seperti berikut: Dengan perkembangan agama Islam, maka bahasa rasmi agama Islam, iaitu bahasa Arab mulai mendapat tempat di kalangan penduduk yang menganut agama Islam di negara ini. Bahasa Melayu kuno yang menggunakan huruf-huruf dari India seperti Pallava dan Kawi mula menggunakan huruf-huruf Arab yang disebut huruf Jawi.<sup>20</sup> Maka, dapatlah dilihat bahawa pengaruh bahasa Arab meresap ke dalam perbendaharaan bahasa Melayu sekaligus juga menunjukkan pengaruh Islam di dalam kitab-kitab pada zaman awal Islam di Nusantara dan salah satu yang dapat dilihat adalah pada penulisan manuskrip itu sendiri. Contoh yang jelas dapat dilihat pada manuskrip ubat-ubatan yang ditulis oleh Haji Mustafa Bin Haji Ismail Pontianak ini dimana keseluruhan daripada teksnya ini adalah bertulisan Jawi.

Di antara pengaruh Islam yang jelas tergambar di dalam perubatan tradisional ialah terdapat ayat-ayat al-Quran yang digunakan oleh bomoh atau ahli perubatan dahulu seperti yang dilakukan oleh penulis manuskrip ubat-ubatan ini terdapat banyak kandungan mentera dan jampi digantikan dengan doa yang menggunakan ayat al-Quran dan sabda Nabi Muhammad S.A.W.<sup>21</sup> Di antara ayat-ayat al-Quran yang digunakan adalah seperti berikut:

---

<sup>16</sup> Razak Hj. Lajis (1996), "Perubatan Tradisional Antara Manfaat Dan Risiko", *Majalah Kosmik*, April 1996, Serdang: Pusat Racun Negara.

<sup>17</sup> Harun Din dan Amran Kasimin (1987), *Sebahagian Dari Rawatan Pesakit Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

<sup>18</sup> Muhamad Bin Zakaria, Mustafa Ali Mohd (1991), *Tumbuhan Dan Perubatan Tradisional*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 3

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 3

<sup>20</sup> Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu Dan Islam*, Petaling Jaya: Percetakan Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 36

<sup>21</sup> Haliza Mohd. Riji (2000), *Prinsip Dan Amalan Dalam Perubatan Melayu*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur h. 30

﴿الْأَبْتَرُ هُوَ شَانِعَكَ إِنَّ﴾ ﴿وَأَخْرَجَ لِرَبِّكَ فَصَلِّ﴾ ﴿الْكَوْثَرَ أَعْطَيْنَاكَ إِنَّ﴾  
 ﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾ ﴿اللَّهُ الصَّمَدُ﴾ ﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ﴾ ﴿وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾<sup>22</sup>

Selain dari penggunaan ayat-ayat al-Quran, pengamal perubatan tradisional Melayu tidak dapat lari dari menggunakan istilah atau triminologi perubatan dalam bahasa Arab. Penggunaan istilah dalam bahasa Arab dirasakan lebih tepat kerana kebanyakan bahan perubatan datangnya dari negara Arab atau negeri-negeri separa gurun seperti kekacang dan buahan kering dari Iran, India dan sebagainya. Di antara perkataan yang dapat penulis jumpai di dalam manuskrip ini ialah:

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<i>Halib</i>	Susu	<i>Mustajab</i>	mujarab
<i>jima'</i>	bersetubuh	<i>Dikabiri</i>	dibesarkan
<i>Qalam</i>	Pena	<i>Syahwat</i>	nafsu

Walaupun pengaruh Islam amat ketara dalam kajian pengamal perubatan melayu tradisional namun mereka masih mengikut kepercayaan orang Melayu, terdapat cara-cara tertentu serta pantang larang tertentu yang perlu dipatuhi sewaktu mengambil tumbuh-tumbuhan herba untuk dijadikan ubat. Di dalam pantang larang ini terdapat pengaruh Islam, di antaranya ialah:

### Faktor Masa, Hari Dan Arah.

Ia dikatakan penting sekali diambil kira sewaktu hendak mengambil tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan ubat. Waktu yang paling sesuai untuk mengambil tumbuh-tumbuhan tersebut ialah pada sebelah pagi, petang dan malam. Sewaktu mengambil tumbuh-tumbuhan itu, hendaklah mengadap ke kiblat. Namun demikian arah ini juga bergantung pada hari. Sekiranya hari Jumaat, muka si pengambil tumbuh-tumbuhan itu mestilah dihadapkan ke arah tenggara. Sekiranya hari Sabtu dan Ahad, dia hendaklah menghadap ke barat laut. Sekiranya hari Selasa, mukanya hendaklah diarah ke barat laut.

Sekiranya hari Rabu, mukanya hendaklah dihadapkan ke arah utara dan sekiranya hari Khamis, mukanya hendaklah diarahkan ke selatan. Di sini dapat dilihat pengaruh Islam di dalamnya di mana pengamal perubatan mengatakan perlu mengadap kiblat apabila ingin memetik tumbuh-tumbuhan yang dijadikan ubat.

### Adab-Adab Ketika Mengambilnya

Sebelum mengambil tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan ubat hendaklah terlebih dahulu dibaca *bismillah*, selawat ke atas Nabi Muhamad s. a. w. sebanyak tiga kali diikuti dengan memberi salam kepada Nabi Alias (dipercayai penjaga tumbuh-

<sup>22</sup> Surah al-Kauthar, ayat 1-7

tumbuhan) dan kemudiannya membaca *bismillah* sekali lagi sebanyak tiga kali.<sup>23</sup> Di sini pula jelas didapati pengaruh Islam di dalamnya apabila pengamal perubatan tradisional Melayu akan membaca Bismillah dan Selawat ke atas Nabi Muhammad apabila hendak memetik tumbuh-tumbuhan itu.

### **Fizikal Kitab Tibb Pontianak**

Kitab mengenai ubat-ubatan tradisional Melayu berunsurkan Islam seperti Kitab ubat-ubatan karangan Haji Ismail bin Haji Mustafa Pontianak ini adalah salah satu dari karya ulama Melayu yang boleh dianggap lengkap berbanding dengan karya lain. Isi kandungan kitab ini masih berada dalam keadaan yang baik, teratur mengikut aturan halamannya yang boleh dikenali melalui sambungan ayat-ayatnya yang ada kaitan antara satu mukasurat dengan mukasurat yang lainnya. Cuma mungkin yang boleh dikatakan di sini bahawa mukasurat pertama dan kedua teks kitab ini tidak dapat dibaca oleh penulis kerana mengikut temuramah penulis bersama Haji Wan Muhd Shaghir<sup>24</sup> kemungkinan kotoran yang terdapat di kedua-dua mukasurat itu adalah kesan dakwat yang digunakan untuk menulis. Dikatakan ia mungkin terjadi begitu kerana terkena air atau hujan selepas penulis kitab selesai menulis.<sup>25</sup> Susah untuk mengatakan bahawa ianya terjadi begitu dalam tempoh penulis kitab menulis kerana andai difikirkan logiknya, pasti beliau akan menulis yang baru atau memperbaiki kembali kedua-dua halaman tadi. Keseluruhan teks ini bolehlah dikatakan agak baik dan sempurna hingga ke akhir mukasuratnya.

Di akhir kitab ini di tulis sedikit sebanyak tentang biodata penulis yang bernama Haji Ismail bin Haji Mustafa Pontianak di Kampung Tembelan yang mana ianya selesai ditulis pada 4hb Zulkaedah 1325H. Dapat juga dilihat bahawa terdapat 4 halaman tambahan di akhir kitab ini, juga berkenaan ubat-ubatan. Penulis tidak dapat mengenal pasti samada tulisan pada 4 halaman akhir ini adalah milik Haji Ismail bin Haji Mustafa juga ataupun tidak. Apa yang boleh diulas adalah tulisan pada 4 halaman akhir ini agak jauh berbeza dengan tulisan beliau, tidak tersusun dengan rapi tapi masih boleh dibaca walaupun agak sukar.

---

<sup>23</sup> Hashim Awang (1996), *Prinsip Asas Perubatan Melayu*, Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>24</sup> Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah merupakan ulama tersohor pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20, dilahirkan pada tahun 1856 dan wafat pada 1908 pada 12 April 2007 dan dikebumikan di kawasan Pondok Pak Chu Him Gajah Mati, Kedah. Beliau merupakan seorang penulis, khasnya di dalam penyelidikan sejarah ulama dunia Melayu dari semua zaman tentang biografi, karya, pemikiran, perjuangan menyentuh seluruh aspek mengenai ulama-ulama Asia Tenggara/alam Melayu yang tersebut. Penulisan beliau merujuk kepada bahan asli hasil pengembaraan selama 48 tahun melalui manuskrip, cetakan lama, litografi hasil karya yang ditulis oleh ulama Melayu. Hj Wan Muhd Saghir mengasaskan Khazanah Fathaniyah yang berfungsi sebagai penerbit hasil penulisan sendiri dan menerbitkan kembali karya-karya ulama terdahulu dan mengasaskan Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara Malaysia dengan singkatan PENGKAJI dengan tujuan memberi pendedahan tentang betapa besarnya peranan dan sumbangan ulama terdahulu dalam penyebaran ilmu di dunia Melayu melalui pameran, seminar dan sebagainya.

<sup>25</sup> Temuramah bersama Haji Wan Muhd Saghir Abdullah, pengasas Khazanah Fataniah pada 26 Mei 2006 jam 900 malam di pejabat Khazanah Fataniah, Taman Melewar, Gombak.



Kitab ubat-ubatan karangan Haji Ismail Bin Haji Mustafa Pontianak ini berukuran 17 cm lebar x 24 cm panjang, mengandungi 40 halaman dan 4 halaman tambahan. Ia ditulis dalam tulisan jawi dari tulisan *Raqaaah*. Penulis menganggap teks kitab ini adalah agak lengkap berbanding dengan beberapa kitab ubatan yang lain kerana tulisannya agak cantik dan terang, boleh dibaca dengan baik. Pengarang kitab ini mengolah dan menyusun ayat-ayat di dalam kitab ini dengan baik. Setiap penyakit dibahagikan mengikut bab dan di dalam setiap bab dibezakan cara pengubatan atau petua-petuanya dengan perkataan 'sebagailagi' yang mana membawa maksud 'selain itu'.

Teks ini terdiri daripada 16 baris untuk setiap satu mukasuratnya, disusun dengan baris yang cukup teratur dan kemas manakala jarak diantara satu baris dengan baris yang lain adalah berukuran kira-kira 1cm setiap satu. Pada penelitian penulis, tulisan pada kitab ini dapat dibaca tanpa menimbulkan banyak kesukaran walaupun ianya ditulis pada abad ke-13. Gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang kitab juga agak jelas, teratur dan kemas. Terdapat beberapa keunikan terhadap istilah timbangannya antaranya ialah segenggam herat, setahil, sepaha, sekati dan sebagainya. Manakala kaedah penomboran yang digunakan oleh pengarang pula walaupun tidak ditulis mukasuratnya tetapi ia dapat diketahui dengan melihat sambungan ayat pada setiap akhir halaman.

Pengarang kitab juga dilihat telah memberi penerangan kepada 16 jenis penyakit dan antara yang boleh disebut di sini umpamanya ubat sakit hati, ubat sakit perut, ubat sakit sembelit, ubat majan, ubat meroyan, ubat kembung, ubat senggugut, ubat busung, ubat keputihan, ubat merawat haid, ubat karang-karang dan ubat menguatkan tenaga batin lelaki dan perempuan. Separuh daripada isi kandungan kitab ini membicarakan tentang ubat untuk menguatkan tenaga batin lelaki dan perempuan.

### **Analisis Kitab Tibb Pontianak**

Kitab ubatan karangan Haji Ismail Bin Haji Mustafa Pontianak ini bolehlah diiktiraf sebagai sebuah kitab yang agak baik penerangannya mengenai herba dan cara perubatan bagi setiap penyakit yang dinyatakan. Penulis boleh ulaskan bahawa terdapat banyak kebaikan juga daripada pengubatan tradisional berunsurkan Islam ini. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), hampir 70 % dari populasi dunia menggunakan ubat dari tumbuhan-tumbuhan terutamanya di negara-negara sedang membangun dan mundur kerana ianya murah dan mudah didapati. Pengguna di negara-negara maju menggunakan ubat ini sebagai alternatif kepada rawatan moden.

Jika dilihat dari aspek perbandingan antara perubatan tradisional dan perubatan moden, tidaklah dikatakan bahawa salah satunya ada kebaikan yang melebihi dari satu aspek yang lainnya kerana setiap satunya ada kebaikan dan kelemahan yang tersendiri. Andai diteliti secara amnya, setiap herba yang digunakan untuk merawat penyakit – penyakit seperti ubat sakit hati, ubat medu dihati, ubat kembung perut dan lain-lain kesemuanya tidak mempunyai kesan sampingan jika dibandingkan dengan perubatan cara moden. Perubatan moden walaupun diiktiraf

sebagai ubat yang memberi kesan yang lebih cepat tapi ianya juga mempunyai kesan sampingan yang tersendiri. Ubatan moden untuk merawat sakit-sakit di atas dikategorikan sebagai ubat *analgesic*.<sup>26</sup>

Dari aspek amalan cara pengambilan ubatan dikalangan pengamal perubatan tradisional terutamanya amalan yang diamalkan oleh pengarang ini sendiri, ia nampaknya seperti tidak praktikal dan menimbulkan keraguan. Tetapi apabila pengkajian dilakukan melalui beberapa kajian saintifik menjelaskan mengapa perkara tersebut diamalkan mereka. Sebagai contoh, pengarang kitab ini mengatakan bahawa sesuatu tumbuhan yang ingin dijadikan ubat itu hendaklah diambil atau dipetik pada masa-masa yang tertentu supaya ianya lebih berkesan. Apakah rasional disebalik arahan itu? Hasil daripada kajian yang pernah dilakukan mendapati bahawa perubahan kandungan sesuatu bahan aktif di dalam tumbuhan boleh berlaku dengan cepat iaitu di antara 1 hingga 3 jam sahaja. Di dalam *Papaver somniferum*<sup>27</sup> misalnya, kandungan alkaloidnya berkurangan dengan banyaknya di waktu siang hari.

Pengarang kitab ini mungkin mengetahui hal ini melalui pengalaman dan pengetahuan yang ditinggalkan sejak beberapa generasi yang lalu. Beliau juga memberi tumpuan yang khusus kepada perubahan musim kerana mempercayai bahawa bahan aktif sesuatu tumbuhan itu bukan sahaja berubah mengikut musim tetapi mengikut keadaan tanah dan iklim sekeliling. Umur dan kematangan tumbuh-tumbuhan tersebut juga turut diambil kira. Faktor-faktor ini boleh menentukan bukan sahaja jumlah kandungan bahan aktif tetapi juga kandungan relatif setiap bahan tersebut. Sebagai contoh, kandungan glikosida di dalam *Datura lanata* didapati mencapai tahap tertinggi pada tahun kedua pertumbuhannya. Kini faktor-faktor tersebut bukannya rahsia lagi. Bagi tujuan komersial faktor-faktor seperti iklim, kesesuaian tanah, tahap kematangan dan masa amat mustahak bagi memastikan mutu dan nilai kandungan sesuatu bahan aktif itu terjamin.

Bahan-bahan aktif yang terdapat di dalam tumbuh-tumbuhan juga bergantung kepada bahagian digunakan. Dalam sesetengah keadaan, daun-daun muda dikatakan mempunyai kandungan bahan aktif yang lebih tinggi daripada daun tua. Misalnya, daun muda *Carica papaya*<sup>28</sup> mengandungi banyak karpain, sejenis alkaloid dari kumpulan piridin. Transformasi bahan-bahan tersebut berlaku melalui proses biosintesis apabila tumbuhan ini meningkat tua. Ini akan mengurangkan jumlah kandungan beberapa bahan aktif tumbuhan berkenaan. Di dalam satu laporan saintifik yang lain, pokok *Datura stramonium*<sup>29</sup> yang muda dilaporkan mengandungi kandungan hiosin-hiosamin yang tinggi iaitu pada nisbah 4:5. Kandungan ini didapati menurun kepada nisbah 3:10 di dalam pokok yang matang. Mungkin fakta yang didapati berkenaan dengan perkara ini membuktikan

---

<sup>26</sup> ubat tahan sakit yang boleh menyebabkan ketagihan, kebiasannya ia digunakan di dalam ubat-ubatan yang terdapat di klinik.

<sup>27</sup> Pokok popi yang menjadi salah satu tumbuhan utama untuk menghasilkan dadah.

<sup>28</sup> Pokok betik. Ia direkodkan berasal dari tengah Amerika.

<sup>29</sup> Ia dikenali sebagai *Korean Morning Glory*, dan *Thorn Apple*

bahawa perubatan tradisional yang diamalkan oleh pengarang kitab ini tidaklah jauh beza dengan amalan perubatan moden sekarang, bezanya cara dan kaedahnya dilakukan dari perspektif berbeza.

Apa yang boleh disimpulkan disini ialah walaupun perubatan moden sememangnya menjadi tumpuan utama untuk setiap penyakit, tetapi khasiat dan kelebihan perubatan tradisional samada dari sudut amalan, atau penggunaan herba-herba juga tidak sepatutnya dipinggirkan. Andai dilakukan kajian dan diperbanyakkan usaha untuk mempromosikan khasiat herba ini, pasti ia juga akan membuka minda masyarakat tentang perkara ini malah mungkin satu hari nanti, penggunaan herba boleh dijadikan satu alternatif utama dalam perubatan.

### **Kaedah Perubatan Tradisional dalam Kitab Tibb Pontianak**

Kajian daripada penyelidikan Kitab Ubat-ubatan Hj. Mustafa Bin Hj Ismail Ismail Pontianak ini mendapati terdapat lebih daripada 100 jenis herba-herba yang digunakan untuk mengubati penyakit dan terdapat 15 jenis rawatan sakit yang dibentangkan. Di antara senarai herba yang digunakan ialah bawang putih,<sup>30</sup> jemuju,<sup>31</sup> setawar,<sup>32</sup> pala,<sup>33</sup> manjakani,<sup>34</sup> akar celaka,<sup>35</sup> jeruju,<sup>36</sup> dedap,<sup>37</sup> terung pipit,<sup>38</sup> temulawak,<sup>39</sup> dan banyak lagi. Manakala jenis penyakit yang telah ditulis antaranya ubat sakit hati, ubat sakit perut, ubat rejankan darah, ubat majan, ubat

---

<sup>30</sup> Bawang putih yang mempunyai nama saintifik (*Allium Sativum*) dari famili *Liliaceae* berkesan bagi mengubati batuk kering, merangsang syahwat, berguna untuk mengubati penyakit lumpuh, sakit-sakit sendi dan mengelakkan peronggaan gigi

<sup>31</sup> Berasal dari famili *Convolvulaceae* dan mempunyai nama saintifik *Cuscuta Australia* dikatakan sebagai penawar mujarab kepada penyakit sakit belakang dan diabetes, dan juga sebagai penawar kepada sakit penahanan di urin dan ketidak mampuan untuk mengawal diri.

<sup>32</sup> Dikatakan boleh menambahkan selera makan. Akar tumbuhan ini digunakan sebagai ubat bagi kaki yang pecah. Buahnya juga dikatakan boleh menurunkan tekanan darah tinggi Ia juga boleh mencuci darah dengan meminum air rebusan, penawar racun ular dan serangga dan berkesan untuk meredakan sakit perut

<sup>33</sup> Herba ini mempunyai nama saintifik sebagai *Myristica fragrans* dan berasal dari famili *Myristicaceae* dikatakan penyembuh kepada penyakit kardiosis, selesema, ketegangan dan rheumatism yang kronik. Masyarakat Malaysia menggunakannya untuk penyakit gila, malaria, penyakit wanita, sengal-sengal dan sakit pinggang. Minyak daripada bijinya boleh digunakan untuk bengkak atau radang pada tulang belikat dan saluran kencing. Ia juga boleh digunakan sebagai bahan rangsangan.

<sup>34</sup> Herba ini mempunyai nama saintifik sebagai *Quercus infectoria oliv* dari famili *Fagaceae* atau *Cupuliferae* dikatakan mempunyai penawar keputihan yang biasa dialami ramai wanita

<sup>35</sup> Tumbuhan ini mempunyai nama saintifik *Plumbago Indica* dan dari Famili *Plumbaginaceae* ini mempunyai khasiat seperti penawar reumatisme, tumor otak, sakit gigi, sakit kepala dan lumpuh. Akar celaka di dalam kitab ubat-ubatan ini digunakan sebagai salah satu bahan –bahan untuk merubat perempuan yang tiada haid.

<sup>36</sup> Herba yang mempunya nama saintifik *Acanthaceae abraceatus* dari famili *Acanthaceae* digunakan sebagai rawatan kepada wanita yang baru bersalin dan agak mujarab untuk mengubat sakit kepala.

<sup>37</sup> Pokok dedap yang mempunyai nama saintifik *Erythrina* dari famili *Leguminosae* mempunyai khasiat untuk merawat batuk, bengkak, pendarahan dalaman, merangsang ibu susu yang hamil dan lain-lain.

<sup>38</sup> Herba yang nama saintifiknya *Solanum torvum* dan masuk dalam famili *Solanaceae* mempunyai khasiat untuk merawat kaki yang pecah dan menurunkan tekanan darah tinggi

<sup>39</sup> Herba ini mempunyai nama saintifik sebagai *Curcuma xanthorhiza* dari famili *Zingerberaceae* mempunyai khasiat mengubati penyakit hati dan demam kuning. Ia juga merupakan ramuan dalam jamu untuk menyembuhkan demam, sembelit, melancarkan aliran darah, merangsang pengeluaran air hempedu, ubat asma, dan sakit perut.. Minyak temu ini digunakan sebagai anti-inflamateri.

sakit perut memulas, ubat kembung dan santau, ubat senggugut, ubat meroyan, ubat busung, ubat perempuan tiada haid, ubat keputihan, ubat mengembalikan dara, rawatan untuk perubatan dalaman bagi wanita, ubat karang-karangan, dan juga ubat untuk rawatan batin lelaki. Analisis terhadap cara perubatan tradisional yang terdapat di dalam kitab ini adalah melalui dua cara, iaitu;

### **Di makan mentah**

Kebanyakan daripada cara rawatan yang dikemukakan oleh Hj Mustafa bin Hj Ismail Pontianak adalah dalam bentuk petua dan cara yang ringkas, di mana herba-herba tadi hanya perlu di makan mentah ataupun di lumurkan pada anggota tubuh. Antara contoh-contoh rawatan yang hanya perlukan rawatan luaran adalah seperti ubat sakit hati, ubat sakit perut, ubat rejankan darah, ubat majan, ubat sakit perut memulas, ubat kembung dan santau, ubat senggugut, ubat meroyan, ubat busung, ubat perempuan tiada haid, ubat keputihan, ubat mengembalikan dara. Setiap petua yang diutarakan oleh beliau kebanyakannya hanya perlu di giling, atau dipipiskan lumat-lumat, atau diasah, dan di gaul bersama. Contoh cara-cara rawatan yang diutarakan antaranya ialah;

### **Ubat sakit perut**

Bahan-bahan: Lengkuas, 10 biji dan garam

Cara-caranya: Ambil lengkuas dan tumbuk ambil airnya beri lada 10 biji dan garam sedikit diminum tiga pagi.

### **Ubat Majan**

Bahan-bahan: Buah pala sebiji (benam dahulu dalam abu panas), sirih bertemu urat dan pinag tua yang kecil-kecil sebesar buah pala, di belah 3 dan dibubuh kapur bersamanya.

Cara-caranya: Makan pagi-pagi sekapur, tengahari sekapur, dan sepetang sekapur, diperbuat selama tiga hari.

### **Ubat Meroyan**

Bahan-bahan: Ibu kunyit seberat tiga tahlil, dan jintan hitam berat sepaha dan kasturi berat dua emas, air bermalam.

Cara-cara: Bahan-bahan di atas dipipis lumat-lumat, bahagi tiga minum tiga pagi dengan air bermalam.

### **Di masak terlebih dahulu**

Terdapat juga di kalangan petua dan cara rawatan tadi memerlukan ia di masak dahulu antaranya adalah untuk rawatan untuk perubatan dalaman bagi wanita, ubat karang-karangan, dan juga ubat untuk rawatan batin lelaki. Contoh cara-cara rawatan yang diutarakan antaranya ialah;

### **Ubat batu karang**

Bahan-bahan: Buah delima sebanyak tiga biji, daun petola dan pucuk kandula barang tiga pucuk.

Cara-cara: Sekalian itu ditumbuk-tumbuk, masak dalam periuk baru sehingga tinggal sebahagi maka diangkat, itulah yang diminum pagi dan petang.

### **Ubat rawatan batin lelaki**

Bahan-bahan: Setimbang minyak sapi, setimbang gula batu, tiga jemput jintan hitam, tiga jemput pudu dan cuka.

Cara-cara: Campurkan sekalian itu dan dimasak, setelah mendidih maka angkat dan dibubuh pada pinggan putih sebanyak seruas telunjuk, bubuh cuka dan bacakan قل هو الله tiga kali, diminum selama tiga pagi.

### **Ubat makjun**

**Bahan-bahan:** Bunga cengkih berat tiga mayam, bunga pala, lada sulah, cabai jawa, sehelai santi, buah melaka, jemuju, lengkuas cina, jintan putih, ambir (kesemuanya ini semuanya sekupang), kasturi berat sepaha, kapur barus dan kamukas berat sepaha, gaharu berat lima kupang, akar kara2 cina berat lima kupang, dan padi berat enam kupang.

Cara-cara: Semua rempah-rempah itu ditumbuk, kemudian direndang. Selepas itu giling lumat-lumat, jemurkan pula selama dua tiga hari. Apabila telah selesai dijemur, giling pula sampai betul-betul halus, taruh pada sebuah tempat yang baik. Apabila hendak makan, ambillah ia seberat dua mayam, campurkan ia dengan air madu.

### **Kesimpulan**

Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa bangsa Melayu yang telah menerima Islam sebagai agama anutan bukan sahaja terpengaruh dengan Arab dan Islam dalam amalan dan budaya hidup mereka sehingga merangkumi cara berfikir, makanan dan hampir keseluruhan hidup mereka berpaksikan roda Islam dan kearaban. Ulama' Melayu dahulu mampu mengabungjalinkan keilmuan dari bangsa Arab dengan budaya dan sumber alam di bumi sendiri yang akhirnya membentuk satu tamadun agung yang pernah berdiri megah di bumi bertuah ini sepanjang 500 lamanya. Kini, usaha bersungguh-sungguh mesti dilakukan untuk menebus semula maruah dan keagungan Melayu dalam ribuan manuskrip Melayu yang tersimpan di dalam 151 buah perpustakaan di 57 buah negara dengan harapan boleh disemarakkan kembali kemegahan orang Melayu dalam warisan budaya itu, selain merangsang minat lebih ramai orang untuk mengkajinya sebagai sumber maklumat peribumi Melayu yang penting, tetapi diperlekehkan orientalis sekitar 50 tahun lalu. Anak kunci untuk memahaminya hanya dapat diperolehi setelah kita memecahkan kod rahsia yang tertanam dan tersorok dalam manuskrip itu dari banyak segi, selain sejarah dan sastera. Hanya dengan berbuat demikian, barulah sumber maklumat masa silam itu dapat member ilmu dan bermakna kepada orang Melayu masa kini sama seperti kepada orang Melayu masa silam

### **Rujukan**

Ahmad Bin Mustafa (t.t), *Miftah al-Sa'adah Wa Misbah as-Siyadah*, Kaherah: Dar al-kutub al-Hadithah.

Ahmadie Thaha (1982), *Kedokteran Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ding Choo Ming (2008), *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gibb, H.A.R. (1974), *Shorter Encyclopedia of Islam*, Leiden: EJ. Brill.

Haliza Mohd. Riji (2000), *Prinsip Dan Amalan Dalam Perubatan Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Harun Din dan Amran Kasimin (1987), *Sebahagian dari rawatan pesakit menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Hashim Awang A. R. (1996), "Prinsip Asas Perubatan Melayu" dalam *Dewan Budaya*, (April). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Kathir, I. (1970), *Tafsir Ibn Kathir*, Juz 4 cet 2, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Qayyim (1982), *Al-Tibb al-Nabawi*, Beirut: Mua'ssash al-Risalah.

Idrus H.Alkaf (1995), *Cara Rawatan Diri & Pengubatan*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Ismail Bin Saad (1985), *Pengenalan Ilmu Perubatan Dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu Dan Islam*, Petaling Jaya: Percetakan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ismail Hussein (1984), *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,

Ismail Ibrahim (terj) (1992), *Kedokteran Islam*, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (1982), *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Muhamad Bin Zakaria, Mustafa Ali Mohd, (1991), *Tumbuhan Dan Perubatan Tradisional*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Razak Hj. Lajis (1996), *Perubatan Tradisional Antara Manfaat Dan Risiko, Majalah Kosmik*, (April), Serdang: Pusat Racun Negara.

Temuramah bersama Haji Wan Muhd Saghir Abdullah, pengasas Khazanah Fataniah pada 26 Mei 2006 jam 900 malam di pejabat Khazanah Fataniah, Taman Melewar, Gombak.

Tengku Intan Marina Mohd Ali (2007), "Seminar Naskhah Melayu Memartabatkan Khazanah Melayu", (Laporan Seminar 2007), <http://klikweb.dbp.my/> pada 19hb. Ogos 2011.